

Headline	Jumlah PATI faktor Tibi sukar dikawal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,575



# Jumlah PATI faktor Tibi sukar dikawal

## Kurang tahap kesedaran, tidak lakukan pemeriksaan kesihatan punca merebak

**K**UALA LUMPUR: Jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ramai di negara ini dilihat sebagai salah satu faktor mengapa penyakit Tuberkulosis (Tibi) sukar dikawal dan dicegah, kata Pengarah Institut Perubatan Respiratori (IPR), Datuk Dr Abdul Razak Muttalif.

Katanya, kebanjiran PATI yang tidak melakukan pemeriksaan kesihatan yang diseliasa oleh Agensi Pemantauan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA) menjadi pembawa utama penyakit itu turut merebak di kalangan penduduk negara ini.

“Melalui pemerhatian IPR, kami lihat faktor PATI yang tidak melakukan pemeriksaan kesihatan selepas tiba di Malaysia berpotensi menjadi pencetus merebaknya penyakit ini.

“Selain itu, faktor kurangnya kesedaran umum pesakit juga mengapa penyakit itu yang boleh dirawat menjadi sukar untuk dicegah,” katanya kepada *BERNAMA* semalam.

Katanya, kebanyakan pesakit Tibi tempatan yang tidak dapat dirawat adalah disebabkan mentaliti pesakit yang menganggap bahawa simptom batuk kering adalah batuk biasa.

“Saya hairan dengan pemikiran masyarakat kita terutama orang Melayu yang

sering menyalah tafsir batuk kering yang dihadapi dengan merujuk dengan ahli perubatan tradisional.

“Mereka (pesakit) lebih cenderung untuk mendapatkan rawatan tradisional walaupun simptom batuk kering itu berpunca daripada Tibi.

“Ini menyebabkan simptom bertambah buruk hingga memudaratkan pesakit,” katanya.

Antara simptom Tibi adalah batuk yang berpanjangan melebihi dua minggu, hilang selera makan, demam, berpeluh waktu makan, susut berat badan dan batuk berdarah.

Dr Abdul Razak turut menegur mentaliti pesakit tibi yang beranggapan simptom batuk kering yang dihadapi berpunca daripada ilmu hitam.

Katanya, tempoh lama yang diambil untuk merujuk dengan doktor menyebabkan masalah Tibi yang dialami makin merebak ke paru-paru.

Beliau juga memaklumkan pembawa Human Immunodeficiency Virus (HIV) adalah individu yang 20 kali ganda berisiko untuk jangkitan Tibi.

“Pesakit HIV lebih terancam mendapat Tibi disebabkan sistem pertahanan badan mereka yang tidak kuat,” katanya.

Katanya sebanyak 20,666 kes Tibi telah dilaporkan di Malaysia tahun lalu, manakala tahap pencegahannya masih tidak mencapai 85 peratus seperti yang ditetapkan oleh IPR pada tahun lalu.

Headline	Jumlah PATI faktor Tibi sukar dikawal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,575

